


SEJENAK BERSAMA ALUMNI UNISSA



BERSAMA: DR HAFINI

45:45  -30:15

**HAFINI BIN
MAHMUD**



**Alumni Tahun 2013
Fakulti Syariah dan Undang
Undang**

**Alumni Tahun 2020
Pusat Penyelidikan Mazhab
Syafi'i**

Sekarang merupakan :
Pensyarah Fakulti Syariah &
Undang-Undang, UNISSA



جامعة السلطان الشريعة علي الإسلامية
UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI
SULTAN SHARIF ALI ISLAMIC UNIVERSITY



HEA

PENGALAMAN MANIS BELAJAR DI UNISSA

Alhamdulillah, dapat belajar di UNISSA itu sendiri pun menjadi satu kenangan yang manis dan mempunyai hikmah yang tersendiri, kerana cita-cita asal adalah menyambung belajar ke azhar tapi belum ada rezeki.

Selain itu pengalaman paling manis adalah dilibatkan dalam pelbagai aktiviti UNISSA. Antaranya Bulan Bahasa Arab, Bulan Bahasa English, menjadi ahli MPP sebagai Bendahari dan pemangku setiausaha, wakil UNISSA debat Bahasa Arab peringkat Intervarsity USIM, lawatan Ilmiah ke pelbagai institusi pendidikan di Indonesia dan sebagainya. Walaupun dengan kesibukan pelbagai aktiviti itu, masih jua alhamdulillah dapat Kepujian Kelas Pertama.

Dan paling manis adalah mendapat peluang untuk belajar di luar negara melalui program SAP di Yarmouk Universiti Jordan, yang membuatkan lagi hati terbuka untuk menyambung belajar.

Selain itu, mendapat guru-guru, pensyarah-pensyarah yang sangat "*approachable*" pun menjadi satu kenangan. Peringkat Phd, pahit manis dapat dirasakan. Walaupun belum bekerja tetap dan dengan dugaan-dugaan yang ada setelah berumah tangga dan berkeluarga dan dalam masa yang sama buat PhD, Alhamdulillah dapat siapkan tesis dan graduate on time dengan minor corrections.



KEPADA BAKAL ALUMNI UNISSA



**UNTUK PELAJAR UNISSA MASA INI,
APA YANG PALING PENTING ADALAH:**

- **Untuk sentiasa menanamkan sifat ikhlas dalam menuntut ilmu.**
- **Sentiasa ingat yang belajar itu adalah amanah kitani dan perlu dilaksanakan dengan penuh ikhlas, jujur, komitmen dan dedikasi.**
- **Fokus mesti ada agar niat jangan lari.**
- **Sentiasa bersemangat dalam menuntut ilmu, dan bayangkan apa kebaikan yang diperolehi jika sentiasa berusaha, bersemangat. Sebaliknya bayangkan apa akan terjadi jika malas belajar dan tidak mahu berusaha.**
- **Selain itu, hormati dan taati kedua ibu, minta doakan selalu. Hormati dan rapati guru & pensyarah, rajin bertanya, banyakkkan membaca, tanamkan sifat ingin tahu, dan selalu duduk dapan dalam kelas :) datang awal! :D**
- **Selain itu, mesti jua belajar kemahiran-kemahiran lain, kerana sudah habis belajar, banyak cabaran dan dugaan yang akan dihadapi seperti peluang pekerjaan yang semakin mencabar.**

BUAT ALUMNI YANG SEDANG MENCARI PEKERJAAN

"Bagi alumni yang masih mencari pekerjaan, jangan putus asa, lambat atau cepat In Sha Allah ada pekerjaan ada rezeki. Jangan terlalu memilih kerajaan, dan jangan terlalu menilai kelulusan kitani. Maksudnya, contoh: Aku ada degree, gajiku mesti sekian sekian. Apapun pekerjaan, swasta, kerajaan atau kerja sendiri tidak mengapa, asalkan halal. Sentiasa berusaha jua belajar kemahiran baru supaya dapat menjadi lebih *"marketable"*."

